



## PELUANG KREDIT UNTUK PEMBANGUNAN LADANG BULUH

### KRITERIA KELAYAKAN SKIM PEMBANGUNAN LADANG BULUH MENGIKUT SKALA

BIL.	KRITERIA	SKALA KECIL (20 hingga 40 hektar)	SKALA SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SKALA BESAR (2,500 hektar ke atas)
1.	Spesis	Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang <b>Buluh</b> dengan spesies buluh yang dicadangkan di bawah PPLH dan digalakkan mengusahakan secara hutan tani.	Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang <b>Buluh</b> dengan spesies buluh yang dicadangkan di bawah PPLH dan digalakkan mengusahakan secara hutan tani.	Syarikat perlu mengusahakan ladang <b>Buluh</b> dengan spesies buluh yang dicadangkan di bawah PPLH.
2.	Ekuiti	Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mempunyai 100% ekuiti tempatan serta berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Koperasi 2007 atau Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109); dan.  Hanya untuk syarikat bertaraf Bumiputera.	Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mempunyai 100% ekuiti tempatan serta berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Koperasi 2007 atau Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).	Syarat pemilikan ekuiti tempatan bagi syarikat tersenarai awam adalah minimum 51% dan syarat pemilikan ekuiti tempatan bagi syarikat tidak tersenarai adalah 100%.  Bagi syarikat usahasama di antara pelabur tempatan dan

BIL.	KRITERIA	SKALA KECIL (20 hingga 40 hektar)	SKALA SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SKALA BESAR (2,500 hektar ke atas)
				pelabur asing, kelayakan pinjaman adalah terhad kepada pegangan ekuiti tempatan.
3.	Modal berbayar	<p>Modal berbayar syarikat / koperasi hendaklah tidak kurang dari 10% dari nilai permohonan pinjaman atau maksima RM 40,000 yang mana terendah.</p> <p><i>Bagi Pertubuhan Peladang modal berbayar tidak diperlukan tertakluk dibawah akta Pertubuhan Peladang yang tidak mempunyai modal berbayar.</i></p>	<p>Modal berbayar syarikat / koperasi hendaklah tidak kurang dari 10% dari nilai permohonan pinjaman atau minima RM 200,000 yang mana terendah.</p> <p><i>Bagi Pertubuhan Peladang modal berbayar tidak diperlukan tertakluk dibawah akta Pertubuhan Peladang yang tidak mempunyai modal berbayar</i></p>	Modal berbayar syarikat hendaklah sekurang-kurangnya RM500,000
4.	Tanah	Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan buluh sama ada milik sendiri atau pajakan selama tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah seluas 15 hektar hingga 40 hektar.	<p>Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan buluh sama ada milik sendiri atau pajakan selama tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 41hektar hingga 2,499 hektar.</p> <p>Ladang Buluh yang diusahakan hendaklah di atas tanah hakmilik Kerajaan atau milik persendirian dan bukan di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) kecuali yang telah diperuntukkan untuk tanaman Buluh</p>	<p>Mempunyai tanah milik sendiri atau pajakan selama 30 tahun dengan keluasan tanah 2,500 hektar ke atas;</p> <p>Ladang Buluh yang diusahakan hendaklah di atas tanah hakmilik Kerajaan atau milik persendirian dan bukan di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) kecuali yang telah diperuntukkan untuk tanaman</p>

BIL.	KRITERIA	SKALA KECIL (20 hingga 40 hektar)	SKALA SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SKALA BESAR (2,500 hektar ke atas)
			di Semenanjung; dan kawasan yang diperuntukan untuk tanaman buluh dalam kawasan yang diberikan <i>License for Planted Forest</i> (LPF) di Sarawak dan dalam kawasan yang telah diluluskan sebagai <i>Industrial Tree Plantation</i> (ITP) di Sabah.	Buluh di Semenanjung; dan kawasan yang mempunyai kelulusan untuk pembangunan ladang buluh oleh Jabatan Hutan Negeri dalam kawasan yang diberikan <i>License for Planted Forest</i> (LPF) di Sarawak dan dalam kawasan yang telah diluluskan sebagai <i>Industrial Tree Plantation</i> (ITP) di Sabah.
5.	Cagaran	Hak penuaian buluh dicagarkan kepada FPDSB melalui <i>Deed of Assignment</i> .  <i>Directors' personal guarantee</i> Untuk Koperasi / Pertubuhan Peladang - 3 orang pegawai utama akan memberi jaminan.  Untuk syarikat – sekurang-kurangnya 2 orang pengarah syarikat akan memberi jaminan  <i>Power of Attorney</i> (surat kuasa wakil yang memberi kuasa kepada FPDSB untuk mengusaha dan menuai hasil di dalam kawasan cagaran).	Hak penuaian buluh akan dicagarkan kepada FPDSB melalui <i>Deed of Assignment</i>  <i>Directors' personal guarantee/ corporate guarantee</i> - untuk syarikat: sekurang-kurangnya 2 orang pengarah syarikat akan memberi jaminan  <i>Power of Attorney</i> (surat kuasa wakil yang memberi kuasa kepada FPDSB untuk mengusaha dan menuai hasil di dalam kawasan	

BIL.	KRITERIA	SKALA KECIL (20 hingga 40 hektar)	SKALA SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SKALA BESAR (2,500 hektar ke atas)
		Mendapat <i>Letter of Comfort</i> dari Jabatan Hasil Bumi, Sabah bagi pemegang SMFLA, jika mempunyai kelulusan Jabatan Hutan Sabah untuk pembangunan ladang buluh dalam kawasan Industrial Tree Plantation (ITP).		cagaran)  Mendapat <i>Letter of Comfort</i> dari Jabatan Hasil Bumi, Sabah bagi pemegang SMFLA, jika mempunyai kelulusan untuk Pembangunan Ladang Hutan Buluh dalam kawasan Industrial Tree Plantation (ITP).
6.	Anak benih	Syarikat / Koperasi / Pertubuhan Peladang perlu memastikan bahawa anak benih buluh mencukupi dan adalah sepertimana yang dicadangkan di bawah PPLH samada melalui penubuhan tapak semaian sendiri atau lain-lain sumber setelah memastikan spesies buluh tersebut dengan MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.		Mempunyai bekalan anak benih buluh yang mencukupi samada dari sumber sendiri atau lain-lain sumber tapak semaian swasta setelah memastikan spesies buluh tersebut dengan MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.
7.	Keperluan Teknikal	Tiada keperluan khusus namun tertakluk kepada keperluan masa akan datang.	Laporan Environment Impact Assesment (EIA) ke atas kawasan yang hendak dimajukan bagi keluasan 500 hektar ke atas;	Laporan Environment Impact Assesment (EIA) ke atas kawasan yang hendak dimajukan;

BIL.	KRITERIA	SKALA KECIL (20 hingga 40 hektar)	SKALA SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SKALA BESAR (2,500 hektar ke atas)
			Bamboo Plantation Management Plan (BPMP) /  <i>Environment Management Plan (EMP)</i> untuk kawasan kurang daripada 500 hektar.	Bamboo Plantation Management Plan (FPMP)
8.	Rekod kewangan	<p>Syarikat / Koperasi hendaklah mempunyai rekod kewangan yang baik; (berdasarkan penilaian oleh FPDSB terhadap laporan kewangan beraudit)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan kewangan beraudit untuk 3 tahun terakhir;</li> <li>• Akaun pengurusan yang disahkan oleh akauntan berdaftar bagi syarikat/koperasi yang baru ditubuhkan;</li> <li>• <i>Annual return</i> yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM); dan</li> <li>• Penyata bank untuk 3 bulan terakhir.</li> </ul>		

**SYARAT PINJAMAN SKIM PEMBANGUNAN LADANG HUTAN MENGIKUT SAIZ**

BIL.	SYARAT	SAIZ KECIL (4 hingga 40 hektar)	SAIZ SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SAIZ BESAR (2,500 hektar ke atas)
1.	Spesis	<p>Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang buluh dan digalakkan mengusahakan secara hutan tani.</p> <p>Pinjaman ini adalah hanya untuk projek tanaman ladang buluh dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti.</p>	<p>Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang buluh dengan spesis buluh dan digalakkan mengusahakan secara hutan tani.</p> <p>Pinjaman ini adalah hanya untuk projek tanaman ladang buluh dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti.</p>	<p>Pembangunan ladang buluh dengan spesis buluh yang diluluskan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan- 5 spesies.</p> <p>Pinjaman ini adalah hanya untuk projek tanaman ladang buluh dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti.</p>
2.	Keperluan Teknikal	<p>Tiada keperluan khusus namun tertakluk kepada keperluan masa akan datang.</p>	<p>Laporan <i>Environment Impact Assesment (EIA)</i> ke atas kawasan yang hendak dimajukan bagi keluasan 500 hektar ke atas;</p> <p><i>Bamboo Plantation Management Plan (BPMP)</i></p>	<p>Laporan <i>Environment Impact Assesment (EIA)</i> ke atas kawasan yang hendak dimajukan;</p> <p><i>Bamboo Plantation Management Plan (BPMP)</i></p>

BIL.	SYARAT	SAIZ KECIL (4 hingga 40 hektar)	SAIZ SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SAIZ BESAR (2,500 hektar ke atas)
			<i>Environment Management Plan</i> (EMP) untuk kawasan kurang daripada 500 hektar.	
3.	Kadar pinjaman	<p>Kadar pinjaman ialah RM10,000 sehektar samada bagi kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan pembiayaan adalah 100%</p> <p>Kos selebihnya akan ditanggung oleh pelabur;</p> <p>Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembersihan dan penyediaan kawasan, anak benih, kos menanam, kos menyulam dan kos penyelenggaraan.</p> <p>Kos penyelenggaraan adalah untuk selama 3 tanun termasuk aktiviti merumpai dan membaja.</p>	<p>Kadar pinjaman ialah RM10,000 sehektar samada bagi kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan pembiayaan adalah 100%</p> <p>Kos selebihnya akan ditanggung oleh pelabur;</p> <p>Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembersihan dan penyediaan kawasan, anak benih, kos menanam, kos menyulam dan kos penyelenggaraan.</p> <p>Kos penyelenggaraan adalah untuk selama 3 tanun termasuk aktiviti merumpai dan membaja</p>	<p>Kadar pinjaman ialah RM10,000 sehektar samada bagi kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan pembiayaan adalah 90%.</p> <p>Kos selebihnya akan ditanggung oleh pelabur;</p> <p>Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembersihan dan penyediaan kawasan, anak benih, kos menanam, kos menyulam dan kos penyelenggaraan.</p> <p>Kos penyelenggaraan adalah untuk selama 3 tanun termasuk aktiviti merumpai dan membaja.</p>
4.	Kadar faedah/ Caj pengurusan	FPDSB mengenakan peminjam kadar faedah 3.0% dipermodalkan mengikut asas	FPDSB mengenakan peminjam kadar faedah 3.0% dipermodalkan mengikut asas tahunan dalam	FPDSB mengenakan peminjam kadar faedah 3.0% dipermodalkan mengikut asas tahunan dalam tempoh

BIL.	SYARAT	SAIZ KECIL (4 hingga 40 hektar)	SAIZ SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SAIZ BESAR (2,500 hektar ke atas)
		<p>tahunan dalam tempoh pertanggunghan dan 3.0% dipermodalkan mengikut asas harian dalam tempoh pembayaran balik kepada FPDSB.</p> <p>Nota: tempoh pertanggunghan (<i>grace period</i>) 6 tahun; dan tempoh pembayaran balik (<i>repayment period</i>) 9 tahun.</p>	<p>tempoh pertanggunghan dan 3.0% dipermodalkan mengikut asas harian dalam tempoh pembayaran balik kepada FPDSB.</p> <p>Nota: tempoh pertanggunghan (<i>grace period</i>) 6 tahun; dan tempoh pembayaran balik (<i>repayment period</i>) 9 tahun.</p>	<p>pertanggunghan dan 3.0% dipermodalkan mengikut asas harian dalam tempoh pembayaran balik kepada FPDSB.</p> <p>Nota: tempoh pertanggunghan (<i>grace period</i>) 6 tahun; dan tempoh pembayaran balik (<i>repayment period</i>) 9 tahun.</p>
5.	Tempoh pinjaman	Sama seperti Skim Pembangunan Ladang Buluh Skala		<p>Tempoh pinjaman adalah 15 tahun di mana pembayaran balik pinjaman termasuk faedah akan bermula pada permulaan tahun ke 7 dan pembayaran balik diselesaikan dalam tempoh 9 tahun iaitu pada tahun ke 15.</p> <p>Faedah ke atas pinjaman akan dikenakan sebaik sahaja pinjaman dikeluarkan.</p> <p>Pinjaman akan disalurkan berdasarkan kepada kemajuan projek.</p>



BIL.	SYARAT	SAIZ KECIL (4 hingga 40 hektar)	SAIZ SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SAIZ BESAR (2,500 hektar ke atas)
6.	Hak milik Buluh	Sama seperti Skim Pembangunan Ladang Buluh Skala Besar		Hak milik ke atas tanaman Ladang Buluh hendaklah dicagarkan kepada FPDSB sehingga selesai pembayaran balik pinjaman.  Kelulusan bagi menuai / menebang dan menjual buluh dan hasil dari rumpun buluh juga hendaklah diperolehi daripada FPDSB terlebih dahulu.
7.	Laporan kemajuan	Sama seperti Skim Pembangunan Ladang Buluh Skala Besar		Pelabur juga perlu mengemukakan laporan kemajuan fizikal dan akaun projek setiap suku tahun kepada FPDSB.  Laporan pematuhan tahunan perlu dikemukakan kepada FPDSB.
8.	Anak benih	Mempunyai anak benih buluh yang bermutu dan mencukupi samada dari sumber sendiri atau lain-lain sumber tapak semaian swasta yang disyorkan oleh MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.		Mempunyai dan anak benih buluh yang bermutu dan mencukupi samada dari sumber sendiri atau lain-lain sumber tapak semaian swasta yang disyorkan oleh MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.
9.	Keutamaan dalam pembelian	FPDSB atau wakilnya hendaklah diberikan keutamaan dalam pembelian ( <i>first right of refusal</i> ) semua hasil yang dikeluarkan dari rumpun buluh yang dicagarkan.		Peminjam diberi pilihan sama ada untuk menjual hasil tuaian kepada FPDSB atau mana-mana syarikat tempatan untuk kegunaan industri buluh tempatan.

BIL.	SYARAT	SAIZ KECIL (4 hingga 40 hektar)	SAIZ SEDERHANA (41 hektar hingga 2,499 hektar)	SAIZ BESAR (2,500 hektar ke atas)

#### PROSEDUR PERMOHONAN PINJAMAN MUDAH

KESEMUA PERMOHONAN SKALA SEDERHANA DAN BESAR PERLU MENGHANTAR / MEMBERIKAN DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI DI BAWAH BAGI MELENGKAPKAN PERMOHONAN:

1. Surat Permohonan;
2. Borang Permohonan;
3. Profail Syarikat;
4. Carta Organasasi Syarikat;
5. Salinan Borang 9, 24 and 49 di bawah Akta Syarikat yang disahkan;
6. Salinan 'Memorandum & Article of Association' yang disahkan;
7. Form J (yang disahkan), jika berkaitan;
8. Satu Salinan Geran ("Land Title [Ownership]") yang disahkan atau Perjanjian Pajakan ("Leasehold Agreement") - (Perjanjian di antara pemilik/pemohon dengan Kerajaan Negeri & jabatan Hutan Negeri, jika berkaitan)
9. Kertas Kerja Cadangan Projek dan/atau '*Bamboo Plantation Management Plan* (BPMP)'

10. Kenyataan Kewangan yang telah diaudit untuk 3 tahun terakhir (yang disahkan);
11. Kenyataan Akaun untuk 3 bulan terakhir (yang disahkan); and
12. Satu salinan EIA atau EMP terutama untuk keluasan tanah yang lebih dari 500 hektar.

***Permohonan bersama dengan dokumen-dokumen yang lengkap perlu dihantar kepada:***

Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB)  
9th Floor, Menara PGRM, Tower 2,  
No. 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras,  
50728 Kuala Lumpur.  
Tel: 03 9282 9000 Faks: 03 9286 1003 / 03 9286 1002